



PANDUAN UNTUK MENDAPATKAN  
PENGIFTIRAFAN DARIPADA LEMBAGA  
PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB)  
UNTUK MENJADI SYARIKAT  
PERUNDING PERLINDUNGAN SINARAN



Lembaga Perlesenan Tenaga Atom  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi,  
Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil,  
Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03-89294100/89267699

Faks : 03-89223685

Homepage: <http://www.aelb.gov.my>

Muka Surat

A.	Skop	3
B.	Pengelasan Aktiviti	3
C.	Syarat-syarat Am Bagi Mendapatkan Pengiktirafan Sebagai Syarikat Perunding, Perlindungan Sinaran	4
D.	Perlantikan Juruperunding	4
E.	Permohonan	5

Lampiran 1 - Borang. LPTA/PPS/1

Lampiran 2 - Borang. LPTA/PPS/2

**PANDUAN UNTUK MENDAPATKAN PENGIFTIRAFAN DARIPADA LEMBAGA  
PERLESENAN TENAGA ATOM (AELB) UNTUK MENJADI SYARIKAT PERUNDING  
PERLINDUNGAN SINARAN**

**A. SKOP**

1. Dokumen ini disediakan adalah untuk memberi panduan kepada syarikat yang ingin menjadi Syarikat Perunding bagi memberi perkhidmatan sebagai Juruperunding Perlindungan Sinaran kepada syarikat yang menjalankan aktiviti seperti yang dinyatakan di para B.
2. Syarikat Perunding yang telah diiktiraf oleh AELB boleh memberi perkhidmatan Pegawai Perlindungan Sinaran kepada syarikat lain bagi mengambil alih tugas-tugas PPS syarikat tersebut sebagaimana yang dikehendaki di dalam Seksyen 23(2) Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Standard Keselamatan Asas) 1988.
3. Dokumen ini adalah tertakluk kepada pindaan dan arahan yang dikeluarkan oleh AELB dari semasa ke semasa.

**B. PENGKELASAN AKTIVITI**

1. Untuk tujuan panduan ini, aktiviti yang dijalankan oleh syarikat yang ingin mendapatkan khidmat Syarikat Perunding dikelaskan seperti berikut:
  - a. Kelas I Radiografi Industri
  - b. Kelas II Tolok Sinaran
    - i. Pengelongan lubang gerek
    - ii. Tracer / radioflo
    - iii. Tolok ketebalan, ketumpatan, analisa, kelembapan, paras.
    - iv. Sel penyinaran.
  - c. Kelas III Penjualan
  - d. Kelas IV Institut Pengajian Tinggi dan Pusat Penyelidikan
  - e. Kelas V Mineral

**C. SYARAT-SYARAT AM BAGI MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN SEBAGAI SYARIKAT PERLINDUNGAN SINARAN**

1. Berikut adalah syarat am yang perlu dipenuhi oleh sesebuah syarikat yang ingin memohon untuk mendapatkan pengiktirafan sebagai Syarikat Perlindungan Sinaran bagi aktiviti seperti yang dinyatakan di para B:
  - a. Sebuah syarikat yang berdaftar di Malaysia
  - b. Mempunyai sekurang-kurangnya dua orang Juruperunding Perlindungan Sinaran tetap yang diiktiraf oleh AELB untuk setiap kelas yang dipohon.
  - c. Mempunyai prosedur perundingan yang diterima pakai oleh AELB.
  - d. Menyediakan alat pengawasan kakitangan untuk semua Juruperundingnya.
  - e. Mempunyai sekurang-kurangnya dua unit alat mengesan sinaran (survey meter).
  - f. Mempunyai Program Perlindungan Sinaran yang diterima pakai oleh AELB untuk setiap kelas yang dipohon.

**D. PERLANTIKAN JURUPERUNDING**

1. Syarikat Perlindung dikehendaki melantik Juruperunding yang akan diambil bekerja dan mengemukakan nama-nama mereka kepada AELB dengan menggunakan Borang, LPTA/PPS/2 untuk mendapatkan pengiktirafan.
2. Juruperunding yang hendak dilantik oleh syarikat mestilah memenuhi syarat-syarat berikut:
  - a. Telah diiktiraf sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS) oleh AELB untuk kelas yang akan dipohon dan lulus peperiksaan Juruperunding yang dikendalikan oleh AELB.
  - b. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun sebagai PPS dengan mana-mana syarikat yang berlesen dengan AELB.
  - c. Memenuhi kelayakan lain sebagaimana yang ditetapkan di Para D dalam **LEM/TEK/40** (Panduan Untuk Perlantikan Dan Tugas Juruperunding, Perlindungan Sinaran).

**E. PERMOHONAN**

1. Sesiapa yang ingin mendapatkan pengiktirafan sebagai Syarikat Perunding Perlindungan Sinaran perlulah mengemukakan permohonan dengan menggunakan barang berikut:

a. LPTA/PPS/1 - Bagi mendapatkan pengiktirafan sebagai Syarikat Perunding.

b. LPTA/PPS/2 - Bagi mendapatkan pengiktirafan sebagai Juruperunding.

kepada:

**Ketua Pengarah**  
**Lembaga Perlesenan Tenaga Atom,**  
**Batu 24, Jalan Dengkil,**  
**43800 Dengkil,**  
**Selangor Darul Ehsan.**

Borang-borang permohonan tersebut boleh didapati dari pejabat AELB dengan harga RM 1.00.



LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM  
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI



RM 1.00

BORANG PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN  
SEBAGAI SYARIKAT PERLINDUNGAN SINARAN

BORANG  
LPTA/PPS/1

**A. MAKLUMAT SYARIKAT**

1. Nama Syarikat :
2. Alamat :
3. No. Telefon :
4. No. Faks :
5. No. Pendaftaran Syarikat :

**B. BUTIR-BUTIR ORANG YANG  
BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP  
SYARIKAT**

1. Nama (huruf besar) :
2. No. Kad Pengenalan :
3. Jawatan :
4. Alamat :
5. No. Telefon :
6. No. Faks :

**C. AKTIVITI YANG DIPOHON**

(Tandakan yang berkenaan)

Radiografi Industri

Penjualan

Pusat Pengajian Tinggi  
Dan Pusat Penyelidikan

Tolok Penyinaran

Mineral

**D. MAKLUMAT JURUPERUNDING TETAP YANG AKAN DIAMBIL BEKERJA \***

Nama	No. Kad Pengenalan	Kelulusan/Kursus dan Pengalaman

- \*1. Setiap Juruperunding dikehendaki mengisi Borang LPTA/PPS/2  
2. Untuk keterangan lanjut sila lihat penerangan di bahagian belakang borang permohonan ini.

**E. ALAT MENGESAN SINARAN YANG DIMILIKI**

Nama alat	No. Model	Bil. yang dimiliki	Sinaran yang boleh dikesan	Julat

**F. ALAT PENGAWASAN KAKITANGAN**

Jenis (tandakan yang berkenaan)	Agensi yang menilai	Kekerapan menilai
<input type="checkbox"/> Lencana Filem		
<input type="checkbox"/> TLD		
<input type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan)		

**G. PERAKUAN**

1. Bersama-sama ini disertakan dokumen berikut :

- Salinan Sijil Pengiktirafan Syarikat
- Borang LPTA/PPS/2
- Salinan sijil tentukuran alat mengesan sinaran
- Program perlindungan sinaran untuk setiap aktiviti yang dipohon
- Prosedur perundingan

2. Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan dalam borang ini dan lampiran yang disertakan adalah benar dan betul.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

<b>PENERANGAN</b>
<p>1. Hanya Syarikat Perunding yang diiktiraf oleh AELB sahaja yang boleh memberi perkhidmatan Pegawai Perlindungan Sinaran kepada syarikat lain bagi mengambil alih tugas-tugas pegawai perlindungan sinaran sebagaimana yang dikehendaki di dalam Seksyen 23(2) Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Standard Keselamatan Asas) 1988.</p> <p>2. Bagi mendapatkan pengiktirafan sebagai Syarikat Perunding Perlindungan Sinaran pemohon dikehendaki mengisi dengan lengkap <b>Borang LPTA/PPS/1</b> dan <b>Borang LPTA/PPS/2</b> dan mengemukakannya kepada AELB.</p> <p>3. Borang permohonan hanya akan diproses sekiranya dokumen-dokumen yang diminta lengkap mematuhi syarat-syarat sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam LEM/TEK/41 (<b>Panduan Untuk Mendapatkan Pengiktirafan Daripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) Untuk Menjadi Syarikat Perunding, Perlindungan Sinaran</b>).</p> <p>4. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada:</p> <p style="padding-left: 40px;"><b>Ketua Pengarah Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor.</b></p> <p>5. AELB berhak untuk menarik balik pengiktirafan yang diberikan pada bila-bila masa jika Syarikat Perunding gagal untuk mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh AELB dari masa ke semasa dan gagal memenuhi syarat-syarat sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam LEM/TEK/41.</p>
<b>SYARAT-SYARAT AM BAGI MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN</b>
<p>1. Sebuah syarikat yang berdaftar di Malaysia</p> <p>2. Mempunyai sekurang-kurangnya dua orang Juruperunding Perlindungan Sinaran tetap yang diiktiraf oleh AELB untuk setiap kelas yang dipohon.</p> <p>3. Mempunyai prosedur perundingan yang diterimakan oleh AELB.</p> <p>4. Menyediakan alat pengawasan kakitangan untuk semua Juruperundingnya.</p> <p>5. Mempunyai sekurang-kurangnya dua unit alat mengesan sinaran (survey meter).</p> <p>6. Mempunyai Program Perlindungan Sinaran yang diterimakan oleh AELB untuk setiap kelas yang dipohon.</p>
<b>UNTUK KEGUNAAN PEJABAT</b>
<p>1. Tarikh Terima : _____</p> <p>2. Disemak oleh : _____</p> <p>3. Syor : _____</p> <p>4. Diperakuan oleh : _____</p> <p>5. No. Pendaftaran : _____</p>



**LEMBAGA PERLESENAN TENAGA ATOM**  
**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**



RM 1.00

**BORANG PERMOHONAN UNTUK MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN**  
**SEBAGAI JURUPERUNDING PERLINDUNGAN SINARAN**

BORANG  
LPTA/PPS/2

<b>A. MAKLUMAT SYARIKAT</b>  1. Nama Syarikat : 2. Alamat : 3. No. Telefon : 4. No. Faks :	<b>B. BUTIR-BUTIR DIRI JURUPERUNDING</b>  1. Nama (huruf besar) : 2. No. Kad Pengenalan : 3. Kewarganegaraan : 4. Alamat :
<b>C. KELAYAKAN / PENGALAMAN</b>  1. Kelulusan & Bidang : 2. Pengalaman sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran (Sila nyatakan tempoh masa dan nama majikan) : 3. Pengalaman dalam bidang perlindungan sinaran : 4. Sijil pengiktirafan / Kursus :	<b>D. AKTIVITI YANG DIPOHON</b>  <input type="checkbox"/> Radiografi Industri <input type="checkbox"/> Tolok Sinaran <input type="checkbox"/> Penjualan <input type="checkbox"/> Mineral <input type="checkbox"/> Pusat Pengajian Tinggi dan Pusat Penyelidikan
<b>E. PERAKUAN</b>  1. Bersama-sama ini disertakan dokumen berikut:  <input type="checkbox"/> Salinan sijil pengiktirafan sebagai PPS <input type="checkbox"/> Salinan sijil kursus yang berkaitan  2. Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang diberikan dalam borang ini dan lampiran yang disertakan adalah benar dan betul.  Tandatangan : Nama : Tarikh :	
<p>* Untuk keterangan lanjut sila lihat penerangan di bahagian belakang borang permohonan ini.</p>	

<b>PENERANGAN</b>
<p>1. Hanya Juruperunding dari Syarikat Pernudging yang diiktiraf oleh AELB sahaja yang dibenarkan untuk mengambil alih tugas-tugas pegawai perlindungan sinaran syarikat lain sebagaimana yang dibolehkan di dalam Seksyen 23(2) Peraturan-Peraturan Perlindungan Sinaran (Standard Keselamatan Asas) 1988.</p> <p>2. Bagi mendapatkan pengiktirafan sebagai Juruperunding Perlindungan Sinaran pemohon dikehendaki mengisi dengan lengkap <b>Borang LPTA/PPS/2</b> dan mengemukakannya kepada AELB menerusi majikan di mana Juruperunding tersebut bekerja.</p> <p>3. Borang permohonan hanya akan diproses sekiranya dokumen-dokumen yang diminta lengkap dan mematuhi syarat-syarat sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam LEM/TEK/40 (<b>Panduan Untuk Perlantikan Dan Tugas Juruperunding Perlindungan Sinaran</b>).</p> <p>4. Borang permohonan yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan kepada:</p> <p style="padding-left: 40px;"><b>Ketua Pengarah Lembaga Perlesenan Tenaga Atom, Batu 24, Jalan Dengkil, 43800 Dengkil, Selangor.</b></p> <p>5. AELB berhak untuk menarik balik pengiktirafan yang diberikan pada bila-bila masa jika Juruperunding gagal untuk mematuhi apa-apa arahan yang dikeluarkan oleh AELB dari masa ke semasa dan gagal untuk menjalankan tugasnya sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam LEM/TEK/40.</p>
<b>SYARAT-SYARAT AM BAGI MENDAPATKAN PENGIKTIRAFAN</b>
<p>1. Mestilah bekerja dengan Syarikat Perunding Perlindungan Sinaran yang telah diiktiraf oleh AELB.</p> <p>2. Telah diiktiraf sebagai Pegawai Perlindungan Sinaran (PPS) oleh AELB untuk kelas yang dipohon dan lulus peperiksaan Juruperunding yang dikendalikan oleh AELB.</p> <p>3. Mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun sebagai PPS dengan mana-mana syarikat yang berlesen dengan AELB.</p>
<b>UNTUK KEGUNAAN PEJABAT</b>
<p>1. Tarikh Terima : _____</p> <p>2. Disemak oleh : _____</p> <p>3. Syor : _____</p> <p>4. Diperakukan oleh : _____</p> <p>5. No. Pendaftaran : _____</p>